

DATE	10 / 9 / 2012	SECTION	National
PAGE	7	COLUMN	Semasa

Hayati rukun haji bukan sambil lewa, kata Nasir

KOTA KINABALU: Menteri Di-Jabatan Ketua Menteri, Dato Sri Haji Nasir Tun Sakaran, mengingatkan bakal-bakal haji dari Sabah, memberi tumpuan kepada ibadat dan rukun haji semasa mengerjakan ibadah haji di Mekah Al-Mukarramah.

Katanya, peluang dan kesempatan mengerjakan haji tidak mudah diperolehi dan mereka(jemaah) hendaklah memanfaatkan sepenuhnya kesempatan itu dengan melaksanakan semua rukun haji dan ibadah-ibadah sunat dengan penuh ikhlas dan tawaduk.

Sehubungan itu, mereka (bakal haji) diingatkan sentiasa menjaga kesihatan dan menjaga makan dan minum semasa di sana.

Katanya, perlaksanaan ibadah haji memerlukan kekuatan jasmani dan rohani serta melibatkan pergerakan yang progresif.

Nasir berkata demikian sempena

merasmikan Kursus Perdana Haji Musim Haji 1433H/2012M di masjid Negeri di sini.

Hadirsama Pengurus Besar Kanan Sumber Manusia Lembaga Tabung Haji Malaysia, Haji Mohd. Rani Said Ali, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Datuk Haji Amri Aliaman Suratman; Pengarah Tabung Haji Negeri Sabah, Datin Nurlaila Said; ketua-ketua jabatan kerajaan negeri dan persekutuan.

Selain itu Nasir juga menyarankan bakal-bakal haji sentiasa mematuhi arahan-arahan dan panduan keselamatan yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi dan Tabung Haji Malaysia.

Ujarnya, mereka hendaklah memberikan kerjasama yang erat dan sebarang kesulitan hendaklah diujuk kepada petugas-petugas Tabung Haji.

Nasir menegaskan, jemaah haji Malaysia merupakan jemaah haji yang terbaik kerana sistem perlak-

sanaan fardu haji yang teratur dan prihatin hendaklah dijaga serta dipertahankan dengan tidak terpengaruh dengan perlakuan yang boleh mencemarkan nama baik Malaysia.

"Jemaah haji juga merupakan duta kecil negara semasa di sana dan hendaklah menjaga tingkah laku dan sentiasa menumpukan tugas dan tanggungjawab terhadap Allah SWT," kata Nasir.

Nasir yang juga Menteri bertanggungjawab mengenai hal ehwal agama Islam negeri Sabah berkata, seramai lebih 20 ribu bakal-bakal haji masih lagi menunggu giliran dan berharap Tabung Haji Malaysia memberikan tambahan kelulusan

berdasarkan jumlah kependudukan Sabah yang kini hampir mencecah tiga orang.

Jemaah Haji Negeri Sabah setakat ini berjumlah 766 orang jemaah dan akan berangkat dengan penerbangan pertama pada 26 September ini.



CENDERAKENANGAN HAJI...Dato Sri Nasir (dua kiri) diperhatikan Datuk Amri A. Suratman (kiri) dan Datin Nurlaila (kanan) menerima cenderakenangan disampaikan Pengurus Besar Kanan Sumber Manusia Lembaga Tabung Haji Malaysia (dua kanan) sempena majlis itu di Masjid Negeri, Kota Kinabalu.

DATE	10 / 9 / 2012	SECTION	National
PAGE	7	COLUMN	Semas9



HAYATI RUKUN HAJI...Dato Sri Nasir(tiga kanan)diringi Pengarah Tabung Haji Sabah,Datin Nurlaila Said (kanan) bersalaman dengan salah sebahagian jemaah haji sempena majlis perasmian Kurusus Haji Perdana Peringkat Negeri Sabah di Masjid Negeri Sabah.



BAKAL HAJI...Sebahagian bakal haji yang mengikuti Kurusus Perdana Haji Musim Haji 1433H/2012M Peringkat Negeri Sabah di Masjid Negeri,Kota Kinabalu.